



SIARAN AKHBAR

**JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN
BERSEMPENA DENGAN HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019
UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI**

HARI KHAMIS, 28 ZULKAEDAH 1440H BERSAMAAN DENGAN 1 OGOS 2019M

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Pendidikan (MOE), *Junior Achievement* (JA) Brunei dan beberapa institusi-institusi kewangan telah menganjurkan Jerayawara Kesedaran Kewangan yang keempat bersempena Hari Menabung Kebangsaan 2019 di Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada hari Khamis, 28 Zulkaedah 1440H bersamaan dengan 1 Ogos 2019M.
2. Hadir selaku tetamu kehormat di jerayawara tersebut ialah Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Ady Syarmin bin haji Md. Taib, Pemangku Naib Canselor, UTB serta pegawai-pegawai kanan dari AMBD dan UTB.
3. Jerayawara Kesedaran Kewangan tersebut antaralainnya juga bertujuan untuk melengkapkan para mahasiswa universiti dengan kemahiran pengurusan kewangan sebelum menjelak ke alam pekerjaan dan dalam masa yang sama, memupuk gaya hidup kewangan yang sihat.
4. Seramai lebih 100 orang mahasiswa Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan yang dianjurkan bersama oleh AMBD, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), Persatuan Perancang Kewangan (FPAB), *Junior Achievement* (JA) Brunei serta institusi-institusi kewangan yang turut serta.
5. Jerayawara Kesedaran Kewangan yang terakhir sempena Hari Menabung Kebangsaan 2019 akan diadakan di Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada hari Isnin, 5 Ogos 2019.
6. Acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2019 ialah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan di *Jerudong Park Colonnade* pada hari Sabtu, 17 Ogos 2019 dan Ahad, 18 Ogos 2019. Acara ini akan menampilkan pelbagai program dan aktiviti sesuai untuk seisi keluarga termasuk persembahan khas daripada Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei, *Financial Race* dan *Eco-Tech Financial Costume Competition*.
7. Maklumat lebih lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2019, boleh didapati di laman web AMBD di www.ambd.gov.bn; atau memuat turun aplikasi mudah alih AMBD melalui ‘App Store’ atau ‘Google PlayStore’; atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

FOR IMMEDIATE RELEASE

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 28 Zulkaedah 1440/ 1 Ogos 2019

Ref: AMBD/COMMS/3